



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 52  
No. 19

15hb September 2008

*TAMBAHAN No. 98  
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 311.

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (No. 2) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 2) 2008.

Peremitan

2. (1) Lima puluh peratus diremitkan daripada duti setem yang dikenakan ke atas mana-mana perjanjian pinjaman yang disempurnakan antara seorang pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli, yang merupakan seorang warganegara Malaysia, dengan sebuah bank, institusi kewangan, syarikat insurans yang didaftarkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553], koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502], atau seorang majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan pekerja, untuk membiayai pembelian satu unit sahaja harta kediaman yang berharga tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ribu (RM250,000) seunit dengan syarat Perjanjian Jual Beli itu disempurnakan pada atau selepas 30 Ogos 2008 tetapi tidak lewat dari 31 Disember 2010.

(2) Dalam perenggan ini, "harta kediaman" ertinya rumah, dan unit kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman.

Dibuat 5 September 2008

[Perb. CR(8.09)294/6/4-9(SJ. 9) (2009) (SK. 1);

LHDN. 01/35/(S)/42/51/231-17.10; PN(PU<sup>3</sup>)159/XXXIV]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP  
Menteri Kewangan Kedua